

Keputusan PM tidak bertanding muktamad

BN 14 OCT 2002
Oleh Kadir Dikoh

DENGKIL, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusannya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang adalah muktamad dan tidak akan berganjak lagi.

Perdana Menteri yang akan meletakkan jawatan daripada politik dan kerajaan Oktober tahun depan, berkata beliau sudah lama menjadi wakil rakyat dan menteri dalam Kabinet selain menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri serta Perdana Menteri.

"Saya dah buat keputusan, saya tak boleh berdolak balik. Keputusan itulah muktamad," katanya selepas majlis penyerahan lima tram elektrik Tenaga Nasional Bhd kepada Paya Indah Wetlands sempena sambutan ulang tahun pertama taman itu di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah semalam bahawa Dr Mahathir boleh menarik balik hasrat untuk bersara dan menimbang semula untuk bertanding pada pilihan raya umum akan datang berikutan desakan pelbagai pihak.

Konvensyen Umno Kelantan pada 26 Oktober ini dijangka merumuskan usul mendesak Dr Mahathir bertanding semula.

Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu sejak 1974 mengemukakan hasrat tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang ketika berucap pada Perhimpunan Bersama Rakyat di Padang Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Star 13 September lalu.

Mengenai kenyataan Men-

teri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pada 16 September lalu bahawa rakyat negeri itu, terutama di Kubang Pasu, masih memerlukan, Dr Mahathir berkata: "Ya... dia orang (rakyat Kubang Pasu) pun mesti terima, satu hari saya kena pergi juga."

Ditanya keputusannya itu agak drastik iaitu dengan melepaskan juga peranan sebagai wakil rakyat selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri, beliau berkata biarlah orang lain yang mengambil alih.

"Tidak... sudahlah, dah lama dah jadi wakil rakyat. Lama dah jadi menteri, Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri... bagi peluang kat orang lainlah pula," katanya.

Bagaimanapun katanya, ia bukan bermakna beliau bersara sepenuhnya daripada dunia politik.

"Saya akan tolong kempen bagi Barisan Nasional (BN), bagi Umno. Saya akan jumpa dengan ahli-ahli Umno. Masa saya mungkin lebih lapang lagi dari sekarang ini. Sekarang ini tak ada masa lapang langsung, nak buat kerja banyak," katanya.

Dalam temu bual eksklusif dengan CNN menerusi program CNN-Talk Asia yang disiarkan malam semalam, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan kembali memegang jawatan politik atau jawatan kerajaan yang disandangnya selepas meletak jawatan hujung tahun depan kerana tidak mahu campur tangan.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik, Dr Mahathir berkata keputusan muktamad mengenainya akan dibuat setelah perbincangan lanjut parti kompo-

nen Barisan Nasional (BN).

Katanya, kerajaan akan turut mengambil kira sokongan lebih 10,000 rakyat mewakili kira-kira 500 pertubuhan di Stadium Bukit Jalil malam Rabu lalu yang mahu kerajaan terus meningkatkan usaha penguasaan serta penggunaan bahasa Inggeris di sekolah.

"Banyak ibu bapa yang nak supaya anak mereka belajar dalam bahasa Inggeris tanpa membelakangkan bahasa sendiri. Jadi ini kita perlu ambil kira juga," katanya.

Katanya, perbincangan juga akan terus diadakan sama ada pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris untuk dua subjek itu dikecualikan bagi sekolah tertentu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, cadangan menubuhkan satu pasukan sukarelawan dianggotai 100 juta umat Islam, untuk membebaskan Palestin tidak akan memberi kesan kerana mereka masih lemah.

"Sukarela boleh buat tapi keupayaan 10,000 orang pun banyak mana sangat. Sekali dia bedil dengan bom, matilah semua. Ini bukan soal bilangan orang (tapi) soal tak ada kekuatan.

"Bila kita nak ajar sains, teknologi, nak ajar kejuruteraan, kata itu sekular. Sekarang ini dia tak tahu, nak buat meriam pun tak tahu... semua kena beli daripada orang. Orang tak jual kepada kita," katanya.

Jumaat lalu, Panglima Pengawal Revolusi (Pasderan) Iran, Yahyia Rahim Safavi, berkata jika hanya 10 peratus daripada satu bilion umat Islam dunia menyertai pasukan antarabangsa itu, negara Yahudi di Palestin akan digulingkan.